

19 JAN 2002

MAHATHIR BERTINDAK JUJUR HANTAR PULANG MISUARI, KATA PENYELIDIK

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak boleh dipersalahkan kerana menghantar pulang Nur Misuari, bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), ke Filipina untuk menghadapi tuduhan melancarkan pemberontakan.

Pengarah Pusat Penyelidikan Bangsamoro Zakaria Abdullah berkata dalam satu kenyataan di sini hari ini bahawa Dr Mahathir telah bertindak jujur dalam menyerahkan Misuari kepada Manila.

"Sebagai ketua negara, Dr Mahathir perlu melindungi kepentingan negara Malaysia. Dan Misuari juga perlu menjawab beberapa tuduhan yang dikemukakan terhadapnya oleh kerajaan Filipina serta penduduk Moro selaku pemimpin ARMM," katanya.

Zakaria berkata apa yang Dr Mahathir telah lakukan adalah wajar dan mengikut undang-undang antarabangsa.

Misuari, yang ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia di Pulau Jampiras, Sabah dekat perairan Sandakan kerana masuk secara haram pada 24 Nov dengan tujuh pengikutnya, telah dihantar pulang ke Filipina pada 7 Jan.

-- BERNAMA

HK MFJ RHM